KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **4 Ogos 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 4/8/2025
M/SURAT: 4

# RMK13: KPDN perkukuh rantaian bekalan, perangi orang tengah

**PENAMPANG** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil pendekatan proaktif bagi memastikan kestabilan pasaran, khususnya dalam aspek harga dan bekalan barangan keperluan harian, selaras dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, antara pendekatan utama yang akan dilaksanakan ialah mewujudkan persaingan sihat serta membanteras manipulasi dalam pasaran termasuk oleh orang tengah.

"Dalam tempoh lima tahun RMK13, kerajaan akan memperkukuh rantaian bekalan makanan. Usaha ini akan dilaksanakan melalui penambahbaikan infrastruktur, pemerkasaan sektor peruncitan, penyediaan platform untuk ketelusan harga dan penguatkuasaan kawal selia secara menyeluruh," katanya dalam sidang akhbar di Pusat Komersial dan Teknologi Antarabangsa (ITCC) di sini.

Sebelum itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Papar menyempurnakan Seminar Kenegaraan Malaysia Madani Pesara Guru (Rancakkan Madani Sabah) pada Ahad.

Mengulas lanjut, beliau berkata, ketersediaan infrastruktur pemasaran yang merangkumi pusat pengumpulan, pemprosesan, pembungkusan dan pengedaran serta kemudahan logistik dan perkhidmatan digital akan dipertingkatkan menerusi kerjasama strategik dengan sektor swasta.

Selain itu katanya, peruncit berskala kecil dan sederhana juga akan diperkasakan agar dapat terlibat secara lebih aktif dalam hab pemasaran agromakanan yang akan diperkenalkan kelak.

Bagi menjamin ketelusan harga di sepanjang rantaian bekalan, Sistem Repositori Harga dan Bekalan akan dibangunkan di mana ia dijangka dapat membanteras pencatutan serta manipulasi harga melalui pemantauan berasaskan data yang lebih menyeluruh.

"Sistem ini penting untuk menangani aktiviti pencatutan dan manipulasi harga termasuk oleh orang tengah. Ia juga akan menyokong penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 serta Akta Persaingan 2010," katanya.

Tambah beliau, pembangunan sistem berkenaan akan melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan pemain industri bagi memastikan pendekatan holistik dalam menstabilkan harga dan memperkukuh keselamatan makanan negara.

Armizan memaklumkan bahawa agenda menangani isu kos sara hidup di bawah Kerajaan Madani melibatkan dua kerangka strategi utama.

"Bukan sahaja kita perlu lihat kepada persoalan peningkatan kos iaitu kestabilan harga dan kadar inflasi, tetapi juga kepada soal meningkatkan keupayaan sara hidup itu sendiri melalui penambahan bantuan dan penjanaan pendapatan rakyat," jelasnya.




**Armizan dalam sidang akhbar di ITCC, Penampang pada Ahad.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 4/8/2025
M/SURAT: 3



ARMIZAN (dua dari kanan) menerima cenderahati daripada kumpulan pesara guru.

# KPDN bakal bangun Sistem Repositori, pantau ketelusan harga rantaian

**Iskandar Dzulkifli**

PENAMPANG: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan membangunkan Sistem Repositori (SR) dalam tempoh lima tahun bagi memantau ketelusan harga di sepanjang rantaian bekalan negara.

Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali berkata sistem itu akan berfungsi menyediakan maklumat yang lebih komprehensif berkaitan harga bermula dari peringkat asas hingga ke peringkat peruncitan.

Menurutnya SR juga akan memberi kelebihan kepada KPDN melaksanakan penguatkuasaan dan pencatutan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 serta Akta Persaingan 2010.

"Inisiatif itu juga akan memudahkan pihaknya memantau dan mengawal selia sebarang manipulasi harga barangan melalui kerjasama dengan beberapa agensi berkaitan.

"Sistem ini akan berfungsi mengumpul segala data harga barangan dengan lebih komprehensif dari peringkat pengeluar, pemborong hingga ke peringkat peruncitan bagi memudahkan pemantauan KPDN.

"Pada masa sama ia memudahkan sebarang penguatkuasaan, pencatutan dan kawalan harga barangan di bawah akta berkaitan oleh kementerian.

"Data yang dikumpul di bawah SR turut merangkumi kepentingan dalam aspek persaingan yang dikuatkuasakan Suruhanjaya Persaingan Malaysia agar kita dapat melihat pergerakan harga bekalan di semua peringkat.

"Kita perlu pastikan persaingan sihat dalam amalan pasaran bebas negara yang ditentukan interaksi antara bekalan dan permintaan," katanya selepas merasmikan Seminar Merancakkan Madani Bersama Pesara Guru pada Ahad.

Hadir sama Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia Datuk Roslan Hussin dan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah Datuk Raisin Saidin.

Mengulas lanjut Armizan berkata inisiatif SR merupakan antara penekanan dan tumpuan KPDN dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) di bawah teras Menaikkan Lantai dan Menangani Kos Sara Hidup.

Katanya agenda Kerajaan Madani terbabit melibatkan dua kerangka strategi utama yang bukan saja melibatkan kestabilan harga dan kadar insflasi tetapi soal keupayaan sara hidup rakyat.

Sehubungan itu katanya SR menjadi antara pendekatan yang akan dilaksanakan Kerajaan Madani dengan mewujudkan persaingan yang sihat dan membanteras manipulasi barangan keperluan harian.

"Usaha ini juga merangkumi penyelesaian kepada perbezaan harga barangan keperluan di antara Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Semenanjung melalui kajian penstabilan harga barangan.

"Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi pihak untuk kajian di Sabah dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Sarawak yang ditubuhkan tahun lalu manakala laporan awal telah pun dikeluarkan.

"Di peringkat awal masalah harga lima barangan keperluan termasuk ayam akan dinilai untuk penyelesaian dan pembentangan akan dibuat oleh pihak UMS sebaik segalanya selesai," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 4/8/2025
M/SURAT: 2

Sabah

# KPDN to develop price and supply repository system under 13MP

**PENAMPANG:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) will develop a Price and Supply Repository System during the 13th Malaysia Plan (13MP).

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the system would enable the government to monitor prices and supply comprehensively from producers and wholesalers to retailers and consumers.

"With this supply and pricing data chain, the government can monitor more effectively and detect manipulation by middlemen who inflate prices.

"KPDN will collaborate with various ministries, including the Economy Ministry and the Finance Ministry," he said.

He spoke to reporters after officiating the Madani Nationhood Seminar organised by Akademi Kenegaraan Malaysia, here yesterday.

Armizan said the system will not only strengthen the food supply chain but also help detect exactly where price hikes or manipulation occur within the distribution process.

At the same time, he said a study on the factors behind price differences in Sabah, Sarawak, and Labuan was launched this year, with a separate Price Stability Committee established for each state.

He said that the committee, co-chaired by himself and Sabah Minister of Community Development and People's Well-being Datuk James Ratib, will evaluate five key items in Sabah, including chicken prices.

Armizan also said a preliminary report had already been presented by Universiti Malaysia Sabah (UMS) for Sabah and Labuan, while Universiti Malaysia Sarawak is conducting the study for Sarawak. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995

HARI: ISNIN
TARIKH: 4/8/2025
M/SURAT: 9

# KPDN to develop Price and Supply Repository System under 13MP - Armizan

PENAMPANG: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) will develop a Price and Supply Repository System during the 13th Malaysia Plan (13MP).

Its minister, Datuk Armizan Mohd Ali, said the system would enable the government to monitor prices and supply comprehensively from producers and wholesalers to retailers and consumers.

"With this supply and pricing data chain, the government can monitor more effectively and detect manipulation by middlemen who inflate prices.

"KPDN will collaborate with various ministries, including the Economy Ministry and the Finance Ministry," he said.

He was speaking to reporters after officiating the MADANI Nationhood Seminar organised by Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) at the International Technology and Commercial Centre (ITCC) here yesterday.

Armizan said the system will not only strengthen the food supply chain but also help detect exactly where price hikes or manipulation occur within the distribution process.

At the same time, a study on the factors behind price differences in Sabah, Sarawak and Labuan was launched this year. A separate Price Stability Committee has been established for each state.

He said that the committee, chaired by himself and Sabah Minister of Community Development and People's Well-being, Datuk James Ratib, will evaluate five key items in Sabah, including chicken prices.

Armizan also said a preliminary report had already been presented by Universiti Malaysia Sabah (UMS) for Sabah and Labuan, while Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) is conducting the study for Sarawak.

"UMS has proposed five essential items that can be addressed in the short term to solve the issue. We will examine their initial findings before proceeding to the second phase of the study," he said. – Bernama




*Armizan said the system would enable the government to monitor prices and supply.*

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN

TARIKH: 4/8/2025

M/SURAT: 4




**MURAH:** Chiew menunjukkan harga telur yang dipromosikan semasa PJR kelmarin.

## Chiew berharap Jualan Rahmah MADANI dianjurkan tiga kali seminggu di Miri

**MIRI:** Ahli Parlimen Miri Chiew Choon Man berharap Program Jualan Rahmah (PJR) MADANI dapat diadakan sebanyak tiga kali seminggu dengan adanya pertambahan peruntukan daripada kerajaan pusat.

Sekiranya sasaran tersebut dapat tercapai dan dilaksanakan dengan baik, Chiew percaya ia dapat membantu rakyat mengurangkan kos hidup.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 23 Julai lalu telah mengumumkan pertambahan peruntukan daripada RM300 juta kepada RM600 juta untuk penganjuran program itu.

"Selepas peruntukan ini diturunkan dan diperhalusi dari segi pelaksanaannya, saya berharap secara purata boleh mencapai 12 kali sebulan untuk adakan jualan rahmah, atau dengan purata tiga kali seminggu," jelasnya.

Chiew memberitahu, pada tahun ini sehingga 2 Ogos, sebanyak 59 kali PJR telah dianjurkan di kawasan Parlimen Miri.

Menurut Chiew, secara purata sebanyak tujuh hingga lapan kali sebulan, berbanding dengan secara purata hampir empat hingga lima kali sebulan pada 2024.

"Ini telah menunjukkan usaha tambahan kerajaan dalam membantu rakyat," jelas Chiew selepas mengunjungi Program Jualan Rahmah Bergerak di pekarangan Surau Darul Falah Kampung Lembah Hijau Riam dan SMK Pujut Miri kelmarin.

Beliau sendiri telah turun padang dan meninjau pelaksanaan program itu yang dianjurkan dengan kerjasama Emart Supermarket Riam.

Chiew berterima kasih kepada Kerajaan MADANI dan KPDN atas keprihatinan berterusan terhadap keperluan rakyat, terutama dalam memastikan bantuan sampai terus kepada komuniti di kawasan luar bandar dan bandar.

"Program sebegini akan terus kita perkukuh dan diperluaskan agar lebih ramai penduduk Miri dan seluruh negara mendapat manfaat secara langsung," jelasnya.

Chiew memberitahu, Program Jualan Rahmah MADANI merupakan salah satu inisiatif di bawah Payung Rahmah yang bertujuan membantu meringankan beban kewangan rakyat.

Melalui program itu, pelbagai barangan keperluan harian seperti beras, telur, ayam, tepung, minyak masak, tepung susu dan lain-lain ditawarkan pada harga istimewa dengan diskaun sehingga 30 peratus.

Bagi program jualan rahmah yang dianjurkan di Surau Darul Falah, sebanyak 19 barang telah dijual dengan harga subsidi.

CHiew berkata, program itu dapat mengurangkan kos sara hidup dan memberi peluang kepada penduduk setempat mendapatkan barangan keperluan dengan lebih murah dan mudah.

Selain itu, kedai yang bekerjasama untuk menganjurkan Jualan Rahmah ini juga akan mengadakan promosi jualan ke atas produk lain bagi menambah manfaat kepada rakyat.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

HARI: ISNIN
TARIKH: 4/8/2025
M/SURAT: 3

# 国贸部检查检查纳闽 116 商家
# 开出 1 罚单及发出 2 通知书



▲官员们检查业者证件。

（本报纳闽 3 日讯）纳闽国内贸易及生活费部近期出动三个执法小组共 12 名执法人员，深入全岛多个商业场所展开突击检查与监督行动。

此次行动共检查了 116 家商铺，涵盖超市、杂货店、公共市场及汽车修理厂等。

在检查过程中，一名商家因未在商品上标明价格而遭罚款；另有两名商家则被发出通知书，须在规定时间内提呈商品价格相关资料。



◀官员们检查一家超市商品。

上述三名商家的违规行为，是根据《2011 年价格控制与反暴利法令》（第 723 条文）采取执法行动的。

与此同时，执法人员也巡视了汽车修理厂，重点监督如轮胎与刹车片等相关汽车零部件的品质与用户安全标准是否合规。

其余受检商家大多数皆遵守现行法律与条例。此外，受控商品的供应仍属充足，并能让消费者在相关区域轻易购得。

纳闽内贸部承诺将持续加强对商品价格与供应状况的监管，以保障本区域消费者的权益与福祉。

民众如有投诉，可通过以下渠道联系当局：投诉网站（E－Aduan）：https://eaduan.kpdn.gov.my；电话：087－423152（纳闽 KPDN 办公室）；行动室热线：087－423209；传真：087－452150；Whatsapp：http://www.was-ap.my/+60198488000/Aduan+Pengguna。（001）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 4/8/2025
M/SURAT: 6

# 未接暫緩藥品標價庭令

文告声称，卫生部与国内贸易及生活费部得知，有7个代表医护人员、牙医组织及一名私人医护人员入禀法庭，要求对价格统制及反暴利条规（药品标价）进行司法审查。

文告表示，当局至今仍未收到任何关于暂缓执行价格统制及反暴利条规（药品标价）或执法的庭令，因此条规依然生效。

卫生部与国内贸易及生活费部承诺，将继续致力于以具包容性、分阶段和谨慎的方式落实此倡议，以确保消费者从中受惠，并有助提高国家卫生系统的透明度、问责制和信任度。（TKM）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Gagal pamer harga ubat: Kompaun premis kesihatan swasta mulai 1 Okt.

**PUTRAJAYA:** Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengenakan tindakan kompaun terhadap fasiliti kesihatan swasta yang gagal mematuhi peraturan pemaparan harga ubat mulai 1 Oktober ini.

Menurut kenyataan KKM, fasa penguatkuasaan pendidikan akan diteruskan sehingga 30 September depan menerusi lawatan pemeriksaan dan sesi advokasi.

Katanya, surat peringatan boleh dikeluarkan kepada premis yang masih gagal mematuhi keperluan tersebut.

"Namun, mulai 1 Oktober 2025, kompaun boleh dikenakan terhadap kesalahan yang berulang.

"Penguatkuasaan penuh pula akan bermula pada 1 Januari 2026," katanya hari ini.

Inisiatif pemaparan harga ubat di kemudahan jagaan kesihatan swasta dan farmasi komuniti mula dilaksanakan sejak 1 Mei lalu mengikut Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Ubat) 2025 [P.U.(A) 141/2025] di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723].

Langkah ini merupakan kerjasama strategik antara KKM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), dalam usaha meningkatkan ketelusan harga dan melindungi pengguna daripada pencatutan.

KKM berkata, sepanjang tempoh tiga bulan pertama pelaksanaan, sebanyak 842 fasiliti terdiri daripada klinik perubatan, klinik pergigian, hospital swasta dan farmasi komuniti telah diperiksa.

"Hasilnya, sebanyak 57 peratus mematuhi keperluan pemaparan harga ubat dengan tahap kepatuhan yang memuaskan," kata-

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 4/8/2025
M/SURAT: 6

# Inisiatif papar harga ubat di klinik swasta, farmasi diteruskan

**SHAH ALAM** - Penguatkuasaan pemaparan harga ubat di kemudahan jagaan kesihatan swasta dan farmasi komuniti diteruskan menerusi lawatan pemeriksaan serta advokasi bagi tempoh dua bulan sehingga 30 September 2025.

Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam satu kenyataan memaklumkan, surat peringatan boleh dikeluarkan jika berlaku ketidakpatuhan dan mulai 1 Oktober 2025, kompaun akan dikeluarkan bagi kesalahan yang berulang.

Menurutnya, penguatkuasaan penuh pula akan dilakukan mulai 1 Januari 2026.

"KKM dan KPDN turut mengambil maklum mengenai laporan berhubung tindakan semakan kehakiman yang difailkan di Mahkamah Tinggi oleh tujuh pertubuhan mewakili pengamal perubatan dan pergigian serta seorang pengamal perubatan swasta berkaitan keabsahan Perintah P.U.(A) 141/2025 tersebut.

"Namun begitu, sehingga kenyataan ini dikeluarkan, tiada perintah mahkamah yang mengarahkan penangguhan pelaksanaan atau penguatkuasaan Perintah P.U. (A) 141/2025.

"Justeru, Perintah P.U.(A) 141/2025 tersebut kekal sah dan berkuat kuasa," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Tambah kenyataan itu, pelaksanaan inisiatif itu telah bermula pada 1 Mei 2025 menerusi Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (PenandaanHarga Bagi Ubat) 2025 [P.U.(A) 141/2025] di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Jelasnya, pendekatan penguatkuasaan pendidikan telah dilaksanakan bagi tempoh tiga bulan pertama yang berakhir pada 31 Julai 2025.

"Sepanjang tempoh tersebut, 842 fasiliti terdiri daripada klinik perubatan, pergigian dan hospital swasta serta farmasi komuniti telah diperiksa.

"Majoritinya telah melaksanakan inisiatif ini, dengan 57 peratus daripadanya mematuhi keperluan pemaparan harga ubat yang memuaskan," ujarnya.

KKM dan KPDN kekal komited untuk melaksanakan inisiatif ini secara inklusif, berfasa dan berhemah.

"Ia bagi memastikan manfaatnya dapat dinikmati oleh pengguna serta menyumbang kepada peningkatan ketelusan, akauntabiliti dan kepercayaan dalam sistem kesihatan negara," ulasnya.

TheStar

HARI: ISNIN
TARIKH: 4/8/2025
M/SURAT: 5

# Medicine price display rule to stay

## ‘Educational’ gradual implementation till Sept 30, says Health Ministry

By FAZLEENA AZIZ
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The enforcement of the medicine price display requirement under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 will continue in stages through a process of education, inspections, and advocacy until Sept 30.

The Health Ministry said in a statement that warning letters may be issued for non-compliance, followed by the issuance of compounds from Oct 1.

Full enforcement is scheduled to begin on Jan 1 next year.

The medicine price display initiative, which applies to private healthcare facilities and community pharmacies, was first implemented on May 1.

“This initiative is a strategic collaboration between the Health Ministry and the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

“An educational enforcement approach was adopted for the first three months, ending July 31.

“During this period, 842 facilities, including medical and dental clinics, private hospitals, and community pharmacies, were inspected, with 57% found to be satisfactorily complying with the price display requirement,” the ministry said yesterday.

Both ministries also acknowledged that a judicial review had been filed in the High Court by seven organisations representing medical and dental practitioners, as well as one private medical practitioner, to challenge the validity of the directive.

However, the ministry clarified that no court order has been issued to suspend the implementation or enforcement of the ruling.

Former Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia president Dr Raj Kumar Maharajah said most clinics are not in favour of the rule but have complied regardless.

He argued that the directive is misplaced, as private clinics do not operate like pharmacies and do not display or sell medicines over the counter.

“Unlike pharmacies that sell medicines, our permits allow us to dispense medication only after consultation, examination and investigations.

“Customers rarely come just to buy medicine and the drugs are not displayed on shelves.

“When we introduce laws, they must make sense.

“This rule seems more like a feel-good measure to reassure the public. But in reality, it serves no purpose,” he said.

On the question of compliance, Dr Raj said clinics are ready for full enforcement and have nothing to hide.

Federation of Private Medical Practitioners’ Associations Malaysia secretary Dr Shanmuganathan Ganeson said the association understands the enforcement is still in its educational phase until the end of September and that compounds are unlikely during this period.

He said members have been advised to cooperate during inspections and continue engaging in good faith.

“We’ve filed a judicial review, so we’ll refrain from making detailed comments while the matter is before the court.

“If any clinic experiences overzealous or premature enforcement, we encourage them to inform the federation’s secretariat so we can monitor and respond accordingly,” he said.

The directive, effective from May 1, requires all private healthcare facilities and community pharmacies to display prices of all medicines intended for human use.

This includes prescription and non-prescription drugs, over the counter products, traditional medicines, health supplements, and extemporaneously prepared products.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 4/8/2025
M/SURAT: 7

# Implementation of drug price display continues on Aug 1

**KUALA LUMPUR:** The Ministry of Health (MOH) and the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) are implementing the drug price display initiative at private health facilities and community pharmacies in stages starting August 1.

According to a joint statement by both ministries, the initiative, which was implemented under the Price Control and Anti-Profiteering (Price Marking of Medicines) Order 2025 [P.U.(A) 141/2025] under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, began on May 1.

The statement said the educational enforcement approach was implemented in the first three months ending July 31.

"During the period, 842 facilities consisting of medical clinics, dental clinics and private hospitals as well as community pharmacies were inspected and the majority of them have implemented this initiative with 57 per cent of them complying with the requirements for satisfactory drug price display," according to the statement.

In this regard, enforcement will continue in stages from August 1 through educational approach inspections and advocacy for two months until September 30 and a reminder letter may be issued in the event of non-compliance.

According to the statement, starting October 1, compounds would be issued for repeat offences before full enforcement on January 1, 2026.

MOH and KPDN also took note of the judicial review action filed in the High Court by seven organisations representing medical and dental practitioners and one private medical practitioner regarding the validity of Order PU (A) 141/2025.

"However, until this statement is issued, there is no court order directing the suspension of the implementation or enforcement of this order. Therefore, Order P.U.(A) 141/2025 remains valid and in force," according to the statement.

MOH and KPDN also expressed their commitment to implement the initiative in an inclusive, phased and prudent manner to ensure that its benefits are enjoyed by consumers and contribute to increasing transparency, accountability and trust in the country's health system. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 4/8/2025
M/SURAT: 12

## 阿米占：加強價格監管

# 將推價格與供應庫系統

（兵南邦3日讯）国内贸易及生活费部长拿督阿米占指出，政府将在实施第13大马计划期间，推行价格与供应储存库系统，加强价格监管和管理主要供应链。

他表示，第13大马计划的三大核心之一是提升人民生活水平，而解决生活费问题是重点工作之一。

他说，生活费是本区域乃至全球面临的重大挑战之一，尤其地缘政治冲突，以及气候变化带来的粮食供应稳定与安全挑战，使问题变得更复杂。

### 从制造至进口收集价格数据

阿米占今天在兵南邦ITCC商场宴会厅主持沙巴昌明国民研讨会闭幕礼后，在新闻发布会上表示，即将推行的储存库系统除了会收集零售层面的价格和供应数据，也将收集制造商、批发商和进口商的价格与供应数据。

他说，这将使到政府能够鉴定不合理的价格上涨，以及不法分子包括中间商通过幕后操纵的手段非法牟取暴利。

此外，阿米占透露一项针对沙巴、砂拉越和西马半岛价格差异的初步研究经于今年初启动，此项工作获得沙巴大学和砂拉越大学一同合作展开。

“鸡肉将是其中一个要关注的基本食品，因为本地虽然有供应鸡肉，但价格还是比西马高。”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 4/8/2025
M/SURAT: 6

# 物標價實行3個月 查842機構57%守規

（八打灵再也3日讯）卫生部披露，“私人医疗保健设施与社区药房药物标价”措施实行的3个月以来，截至7月31日，共有842家医疗机构被检查，其中57%都有遵守药物标价的规定。

该部文告指出，由部门与国内贸易及生活费部合作推行的“私人医疗保健设施与社区药房药物标价”措施，5月1日通过2011年价格管制及反暴利法令（723法令）下的价格统制及反暴利条规（药品标价）实行。

## 分阶段执行

文告说，措施开跑首3个月，当局采取教育式执法至7月31日。这期间，当局共检查了842家医疗机构，包括医疗诊所、牙科诊所、私立医院及社区药房，大多数机构都采取有关措施，其中57%遵守药物标价要求。

文告提醒，从8月1日起，当局将分阶段执行价格统制及反暴利条规（药品标价）。

根据文告，其一为通过巡查和宣导，继续进行为期两个月的教育式执法至9月30日；若有机构不遵守，将会被发出警告信。

“其二，从10月1日起，屡次违规者会被开出罚单。2026年1月1日起则全面执法。”



■卫生部指出，当局将通过巡查和宣导，继续进行为期两个月的教育式执法至9月30日。

文告声称，卫生部与国内贸易及生活费部得知，有7个代表医护人员、牙医组织及一名私人医护人员入禀法庭，要求对价格统制及反暴利条规（药品标价）进行司法审查。

## 未接暂缓药品标价庭令

文告表示，当局至今仍未收到任何关于暂缓执行价格统制及反暴利条规（药品标价）或执法的庭令，因此条规依然生效。

卫生部与国内贸易及生活费部承诺，将继续致力于以具包容性、分阶段和谨慎的方式落实此倡议，以确保消费者从中受惠，并有助提高国家卫生系统的透明度、问责制和信任度。（TKM）

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 4 OGOS 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 4-Aug | KPDN Johor nasihat orang ramai salur maklumat harga telur ayam naik drastik | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1247219/kpdn-johor-nasihat-orang-ramai-salur-maklumat-harga-telur-ayam-naik-drastik?__cf_chl_rt_tk=aNIcEAzIMU08KsN5yv9twTUTeqV06s2lFJo93Ti_x00-1754273635-1.0.1.1-zVEdO9sVKN3S7XGkbN1e2A-vIV.iP6eMwLdHqIpIh.rI | HARIAN METRO |
| 4-Aug | KPDN nasihat orang ramai salur maklumat harga telur ayam naik drastik | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-nasihat-orang-ramai-salur-maklumat-harga-telur-ayam | ASTRO AWANI |
| 4-Aug | KPDN Johor nasihat orang ramai salur maklumat harga telur ayam naik drastik | https://www.malay.news/kpdn-johor-nasihat-orang-ramai-salur-maklumat-harga-telur-ayam-naik-drastik/ | MALAYNEWS |
| 4-Aug | KPDN Johor nasihat orang ramai salur maklumat harga telur ayam naik drastik | https://themalaytribune.com/kpdn-johor-nasihat-orang-ramai-salur-maklumat-harga-telur-ayam-naik-drastik/ | THE MALAY TRIBUNE |
| 4-Aug | Johor KPDN urges public to report sharp hikes in egg prices | https://thesun.my/malaysia-news/johor-kpdn-urges-public-to-report-sharp-hikes-in-egg-prices-EJ14590026 | THE SUN |
| 4-Aug | 5 pekerja Indonesia mengaku salah miliki barang kawalan | https://www.kosmo.com.my/2025/08/01/5-pekerja-stor-indonesia-mengaku-salah-miliki-10-tan-gas-lpg/ | KOSMO |
| 4-Aug | Lima pekerja stor warga Indonesia mengaku miliki LPG tanpa lesen | https://api.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1427388/lima-pekerja-stor-warga-indonesia-mengaku-miliki- | BERITA HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4-Aug | 5 pekerja stor warga Indonesia mengaku miliki LPG tanpa lesen | https://www.buletintv3.my/mahkamah/5-pekerja-stor-warga-indonesia-mengaku-miliki-lpg-tanpa-lesen/ | TV3 |
| 4-Aug | Sindiket diesel bersubsidi 250,000 liter, berjumlah RM45.5 juta ditumpaskan | https://sabahnewstoday.net/sindiket-diesel-bersubsidi-250000-liter-berjumlah-rm45-5-juta-ditumpaskan/ | SABAHNEWS |
| 4-Aug | Polis Marin tumpaskan sindiket seleweng diesel bersubsidi | https://www.buletintv3.my/nasional/polis-marin-tumpaskan-sindiket-penyelewengan-diesel-bersubsidi/ | TV3 |
| 4-Aug | Sindiket seleweng diesel bersubsidi terbesar di Kota Kinabalu tumpas, rampasan RM45.59 juta | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1427335/sindiket-seleweng-diesel-bersubsidi-terbesar-di-kota-kinabalu-tumpas | BERITA HARIAN |
| 4-Aug | Sindiket penyelewengan diesel bersubsidi lebih RM45 juta tumpas | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1247165/sindiket-penyelewengan-diesel-bersubsidi-lebih-rm45-juta-tumpas | HARIAN METRO |
| 4-Aug | Sindiket seleweng diesel lebih RM45 juta tumpas | https://malaysiatribune.news/berita-semasa/sindiket-seleweng-diesel-lebih-rm45-juta-tumpas/ | MALAYSIA TRIBUNE |
| 4-Aug | Thanks to social media, enforcement agencies have turned raids, inspections into entertainment — but, is this right? | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/08/01/thanks-to-social-media-enforcement-agencies-have-turned-raids-inspections-into-entertainment-but-is-this-right/185021 | MALAYMAIL |
| 4-Aug | RMK13: KPDN akan bangunkan Sistem Repositari Harga dan Bekalan | https://utusantv.com/2025/08/03/rmk13-kpdn-akan-bangunkan-sistem-repositari-harga-dan-bekalan/ | UTUSAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4-Aug | KPDN bangun Sistem Repositori Harga dan Bekalan dalam RMK13 - Armizan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-bangun-sistem-repositori-harga-dan-bekalan-dalam-rmk13-armizan-532510 | ASTRO AWANI |
| 4-Aug | RMK13: KPDN perkukuh rantaian bekalan, perangi orang tengah | https://www.sinarharian.com.my/article/741707/berita/nasional/rmk13-kpdn-perkukuh-rantaian-bekalan-perangi-orang-tengah | SINAR HARIAN |
| 4-Aug | Sistem Repositori Harga dan Bekalan akan dibangunkan bagi tangani kos sara hidup – Armizan | https://sabahmedia.com/2025/08/03/sistem-repositori-harga-dan-bekalan-akan-dibangunkan-bagi-tangani-kos-sara-hidup-armizan/ | SABAH MEDIA |
| 4-Aug | KPDN bangun Sistem Repositori Harga dan Bekalan Makanan | https://themalaysiapress.com/kpdn-bangun-sistem-repositori-harga-dan-bekalan-makanan/ | THE MALAYSIA PRESS |
| 4-Aug | Proaktif jejak lonjakan harga, manipulasi, KPDN bangun sistem repositari | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/08/03/proaktif-jejak-lonjakan-harga-manipulasi-kpdn-bangun-sistem-repositari | FREE MALAYSIA TODAY |
| 4-Aug | KPDN Bangun Sistem Repositori Harga Dan Bekalan Dalam RMK13 - Armizan | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2452678 | BERNAMA |
| 4-Aug | KPDN to launch price and supply monitoring system under 13MP | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-to-launch-price-and-supply-monitoring-system-under-13mp-ID14606394 | THE SUN |
| 4-Aug | KPDN To Develop Price And Supply Repository System Under 13MP - Armizan | https://bernama.com/en/general/news.php?id=2452694 | BERNAMA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4-Aug | Coming soon: Domestic Trade Ministry to crack down on middlemen with new price and supply tracker | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/08/03/coming-soon-domestic-trade-ministry-to-crack-down-on-middlemen-with-new-price-and-supply-tracker/186332 | MALAYMAIL |
| 4-Aug | 13MP: Ministry to develop price and supply repository system | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1254883/13mp-ministry-develop-price-and-supply-repository-system | NST |
| 4-Aug | Domestic Trade Ministry to develop price and supply repository system under 13MP | https://theedgemalaysia.com/node/765090 | THE EDGE |
| 4-Aug | Pelaksanaan inisiatif pemaparan harga ubat diteruskan secara berperingkat | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pelaksanaan-inisiatif-pemaparan-harga-ubat-diteruskan-secara-berperingkat | RTM |
| 4-Aug | Pelaksanaan inisiatif pemaparan harga ubat diteruskan mulai 1 Ogos | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1428357/pelaksanaan-inisiatif-pemaparan-harga-ubat-diteruskan-mulai-1-ogos | BERITA HARIAN |
| 4-Aug | Pemaparan harga ubat: Penguatkuasaan pendidikan dilanjut hingga 30 Sept | https://www.buletintv3.my/nasional/pemaparan-harga-ubat-penguatkuasaan-pendidikan-dilanjut-hingga-30-sept/ | TV3 |
| 4-Aug | Pelaksanaan inisiatif pemaparan harga ubat diteruskan mulai 1 Ogos | https://thesun.my/cerita/berita/pelaksanaan-inisiatif-pemaparan-harga-ubat-diteruskan-mulai-1-ogos-ID14606284 | THE SUN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4-Aug | Pelaksanaan inisiatif pemaparan harga ubat diteruskan mulai 1 Ogos | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelaksanaan-inisiatif-pemaparan-harga-ubat-diteruskan-mulai-1-ogos-532506 | ASTRO AWANI |
| 4-Aug | Pelaksanaan inisiatif pemaparan harga ubat diteruskan mulai 1 Ogos | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/08/1248048/pelaksanaan-inisiatif-pemaparan-harga-ubat-diteruskan-mulai-1-ogos | HARIAN METRO |
| 4-Aug | Pelaksanaan pamer harga ubat diteruskan mulai 1 Ogos | https://www.malaysiakini.com/news/751030 | MALAYSIA KINI |
| 4-Aug | KKM, KPDN teruskan penguatkuasaan pemaparan harga ubat di fasiliti swasta | https://www.sinarharian.com.my/article/741711/berita/nasional/kkm-kpdn-teruskan-penguatkuasaan-pemaparan-harga-ubat-di-fasiliti-swasta | SINAR HARIAN |
| 4-Aug | Pelaksanaan inisiatif pemaparan harga ubat diteruskan mulai 1 Ogos | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2452677 | BERNAMA |
| 4-Aug | Drug price display initiative continues in Malaysia from Aug 1 | https://thesun.my/malaysia-news/drug-price-display-initiative-continues-in-malaysia-from-aug-1-ED14606013 | THE SUN |
| 4-Aug | Implementation Of Drug Price Display Continues On Aug 1 | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2452661 | BERNAMA |
| 4-Aug | Enforcement of medicine price display rule to continue, says Health Ministry | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/03/enforcement-of-the-medicine-price-display-rule-will-continue-in-stages | THE STAR |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4-Aug | MOH: Compounds kick in October 1 for private clinics flouting medicine price display rules | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/08/03/moh-compounds-kick-in-october-1-for-private-clinics-flouting-medicine-price-display-rules/186320 | MALAYMAIL |
| 4-Aug | Pelaksanaan inisiatif papar harga ubat akan diteruskan | https://www.nabalunews.com/post/pelaksanaan-inisiatif-papar-harga-ubat-akan-diteruskan | NABALUNEWS |
| 4-Aug | Chiew berharap Jualan Rahmah MADANI dianjurkan tiga kali seminggu di Miri | https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/03/chiew-berharap-jualan-rahmah-madani-dianjurkan-tiga-kali-seminggu-di-miri | UTUSAN BORNEO |